

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN**  
**MOHAMED@HASHIM**  
**[KUALA TERENGGANU]**  
**TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 6**

**Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tujuan penerbitan Bon Samurai kali kedua dilakukan seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di Jepun pada bulan September 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperoleh menerusi penerbitan bon dan sukuk Kerajaan daripada sumber dalam negeri dan juga luar negeri. Seajar dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Akta Pinjaman (Tempatan) 1959, Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963, pinjaman hanya dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang yang matang.

2. YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke Jepun dari 6 hingga 8 September 2019. Antara perkara yang diumumkan semasa lawatan tersebut adalah cadangan menerbitkan bon Samurai siri kedua. Perkara ini turut diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 di mana Kerajaan Jepun melalui Japan Bank for International Cooperation (JBIC) sekali lagi menawarkan untuk menjamin bon Samurai siri kedua dengan kadar faedah lebih rendah yang kurang daripada 0.5%. Terimaan daripada terbitan ini akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan merangkumi program dan projek pembangunan termasuk sekolah, hospital, jalan dan menyediakan akses kepada utiliti.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 juga menetapkan bahawa siling pinjaman luar negeri tidak melebihi RM35 bilion. Sehingga hujung tahun 2019, jumlah hutang luar negeri terkumpul adalah RM29.9 bilion atau 3.7% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, penerbitan bon Samurai siri kedua juga tertakluk kepada keadaan pasaran kewangan global semasa dengan mengambil kira kos pembiayaan serta kadar tukaran mata wang asing bagi memastikan kos pinjaman adalah kompetitif dan tidak membebankan Kerajaan.